

## Book Review



### “ RnR Hati ” - Pahrol Mohd Juoi

Penerbit: **Telaga Biru**

ISBN: **9789673882342**

No Panggilan: **BP188.18.Y68 P34 2016**

Segalanya bermula dari hati. Jika hati baik, baiklah kita. Buku yang sangat sesuai dibaca oleh semua anak muda, semua jiwa yang masih muda, semua jiwa yang pernah muda dan semua jiwa yang akan muda. Buku ini mengupas 3 topik utama iaitu identiti anak muda, mencari cinta dan perilaku nan indah. Penulis juga berkongsi beberapa kisah menarik yang boleh dijadikan *role model* bagi orang muda seperti Ashab al-Ukhduh, Ashab al-Kahfi, kisah Nabi Ibrahim dan lain-lain. Kisah-kisah ini boleh dijadikan rujukan buat orang muda untuk mengharungi kehidupan penuh mencabar. Orang muda semestinya kudrat masih kuat. Masih berupaya menghadapi tentangan. Berani berdepan ujian. Kehidupan masa muda perlulah dimanfaatkan sepenuhnya. Sesekali berehatlah diperhentian. Rawatlah hati serta jiwa untuk terus melangkah demi kejayaan dunia dan akhirat.

Muda bukan sekali tetapi 2 kali. Bagaimana? Bacalah buku ini. Pasti dapat jawapannya.

*Ringkasan buku oleh: Affida Abu Bakar, Pustakawan*